

Dr. Mahathir bidas umat Islam yg guna agama utk kepentingan diri

BT 1 - DEC 1979

PETALING JAYA, Jumaat — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas segelintir umat Islam yang memperalatkan agama bagi kepentingan diri sendiri.

Katanya, golongan ini hanya boleh dihapuskan dengan adanya penjelasan yang sebenar tentang ajaran agama Islam dari pihak atau pakar tertentu.

Beliau berucap demikian di upacara penyampaian sijil kursus Nadwah Akademi Islam di Maktab Perguruan Islam, anjuran Persatuan Bekas Mahasiswa Timur Tengah dengan kerjasama Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia di sini.

Katanya, kesedaran tentang agama Islam tidak mencukupi jika seseorang itu tidak berminat memperluaskan pengetahuan mereka.

Ada dua golongan yang sedar tentang agama Islam, iaitu golongan yang jahil tapi ada minat dalam agama dan golongan yang berpengetahuan tapi bertopengkan agama untuk memperjuangkan diri sendiri, katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, sekiranya penjelasan sebenar tentang ajaran Islam ini gagal, umat Islam seluruhnya akan menjadi rosak.

Beliau juga mengutuk pemimpin yang mengaku dirinya Imam Mahadi yang cuba membetulkan kepercayaan orang Islam di Saudi Arabia berikutan dengan peristiwa Masjidil Haram baru-baru ini.

Katanya, pemimpin ini yang bencikan perkembangan alat media masa seperti radio dan televisyen menggunakan issue ini bagi merosakkan kepercayaan umat Islam seluruhnya.

Beliau juga mengecam golongan yang berminat dalam agama dengan mereka-reka simbol seperti bulan untuk disembah, dan ini mungkin merebak hingga ke peringkat di mana seseorang itu akan mengaku dirinya Tuhan.

Perkara ini akan menimbulkan sikap benci-membenci di kalangan umat Islam kerana pengetahuan yang tidak begitu meluas tentang agama, katanya.